

ULASAN WEBINAR

Nama Peserta : TIE SING HAO

No. matric : A20EC0168

Jenis e-Pembelajaran : WEBINAR

Tajuk : Webinar Wacana Dekolonisasi Intelektual

Jumlah masa Aktiviti : 2 JAM

Tarikh Mula Siaran : 10 JANUARI 2021

Masa Siaran (Live) : 10.00 PAGI

Alamat Pautan URL : <https://www.facebook.com/watch/?v=783882598872113>

Penyampai wacana : Prof. Dr Kamaruzaman bin Yusoff
Dr Nasruddin bin Yunos

Moderator : Dr. Nur Najwa Hanani binti Abd Rahman

ULASAN

Pertama sekali, walaupun tajuk webinar ialah dekolonisasi, tetapi kita juga hendaklah memahami istilah yang berkaitan dengan dekolonisasi iaitu kolonisasi, dekolonisasi, neokolonisasi.

Kolonisasi merupakan satu idea dan usaha yang dilakukan oleh pihak penjajah. Merujuk kepada beberapa ideologi penting yang terdapat di Barat pada masa itu, pertama sekali ialah White man's burden, menganggap tanggungjawab mereka untuk memajukan dan memodenkan orang yang tidak berkulit putih yang dianggap sebagai tidak bertamadun. Kedua, kolonisasi juga selalu dikaitkan dengan usaha mendapatkan sumber asli bagi memenuhi keperluan revolusi industri seperti kapas, besi dan sebagainya. Kolonisasi juga dikaitkan dengan usaha untuk mendapatkan keperluan tenaga manusia dan upah yang murah demi proses penjajahan. Kesan daripada kolonisasi ini adalah berlakunya perhambaan akal budi kepada rakyat dan negara yang dijajah, menganggap bahawa apa yang datang daripada Barat adalah baik, bagus dan tidak boleh kita tolak seterusnya melahirkan mentaliti colonial bahawa kita tidak maju dan tertinggal. Selepas kolonisasi, barunya berlaku usaha-usaha dekolonisasi.

Dekolonisasi berlaku selepas Peperangan Dunia Pertama. Dekolonisasi berlaku dalam dua bentuk: rundingan seperti yang berlaku di negara kita dan peperangan menentang penjajah. Punca pejuang menentang penjajah ialah mereka mendapati pihak penjajah telah merampas sebahagian besar daripada hasil bumi mereka, supaya memastikan negara mereka dikawal oleh penduduk tempatan dan juga memastikan berlakunya keadilan dan penduduk tempatan diberikan hak yang sepatutnya. Apabila para pejuang berjaya mengambil semula kuasa daripada penjajah, mereka memastikan kuasa autonomi dikembalikan kepada penduduk tempatan, memastikan supaya keadilan diletakkan pada tempat mereka dan mendapatkan pembebasan dalam pelbagai bentuk seperti ekonomi, politik dan penguasaan mereka terhadap tanah air mereka sendiri. Negara yang pernah dijajah juga melakukan proses dari segi pendidikan. Pendidikan memainkan peranan yang sangat besar untuk memastikan supaya nilai-nilai dan budaya tempatan diperlihara. Apabila berlakunya dekolonisasi, pejuang-pejuang kebangsaan berjaya menghalau penjajah dari negara masing-masing dan telah berjaya menyesuaikan undang-undang seperti undang-undang tanah yang berkaitan dengan Perlembagaan Negara dengan kehendak dan keperluan masyarakat tempatan. Selain itu, mereka memastikan supaya sempadan dan wilayah negeri-negeri dan negara itu diletakkan pada tahap yang sebaiknya untuk mengelakkan daripada berlakunya kekacauan. Mereka juga mementingkan kuasa untuk menentukan ekonomi dan sumber asli. Kalau kita lihat daripada perpektif yang disebut seperti atas, dekolonisasi adalah merupakan satu proses yang dilakukan oleh pemimpin tempatan bukan sahaja untuk mengeluarkan penjajah tetapi juga untuk berusaha memastikan unsur-unsur penjajah daripada pelbagai aspek dapat dikurangkan atau dihapuskan dari semasa ke semasa.

Dekolonisasi terdapat dua bentuk: dekolonisasi secara fizikal dan dekolonisasi pemikiran. Aspek utama dekolonisasi pemikiran ialah bahasa. Kita seharusnya mengukuhkan penguasaan bahasa tempatan sebab Bahasa merupakan jati diri dan nilai kita. Aspek kedua ialah budaya seperti dari segi pakaian, makanan, muzik, filem dan sebagainya. Perkara yang amat mengecewakan dan sedih bahawa hari ini kolonisasi masih berlaku iaitu budaya tempatan kita selalu terpinggir dan banyak dipengaruhi oleh barat. Aspek yang ketiga ialah agama. Ramai generasi muda yang tidak beragama dan tidak percaya kepada Tuhan. Kita hendaklah Kembali kepada agama kita sebab agama ialah aset terbesar kita di tanah ini.

Neokolonisasi ialah amalan geopolitik menggunakan kapitalisme, globalisasi perniagaan, dan imperialisme budaya untuk mempengaruhi negara, sebagai ganti sama kawalan tentera ada secara langsung atau kawalan politik secara tidak langsung, seperti imperialisme. Imperialisme bentuk baru memberi kesan dalam aspek politik dan menyebabkan ekonomi Negara Dunia Ketiga masih terjajah. Neokolonisasi juga menyebabkan cara hidup Barat menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat tempatan. Kuasa-kuasa besar dunia menyerapkan budaya hidup mereka ke dalam kehidupan masyarakat di Asia Tenggara seperti amalan kehidupan seharian, kehidupan beragama dan nilai-nilai sosial masyarakat. Hal ini menyebabkan nilai-nilai sosial tempatan semakin kurang diamalkan. Oleh itu, ia memberikan kesan negatif kepada masyarakat tempatan. Keruntuhan moral masyarakat semakin meruncing. Masyarakat tempatan hilang jati diri.

IMPAK PADA DIRI/REFLEKSI DIRI

Daripada tugas yang dilaksanakan, saya dapat mengetahui dengan mendalam tentang kolonisasi, dekolonisasi, neokolonisasi. Pada zaman sekarang, pengaruh barat dalam kebudayaan Malaysia masih berlaku dan sememangnya sangat jelas. Pengaruhnya boleh dilihat dari aspek ekonomi, social, kesenian, politik dan lain-lain. Banyak pengaruh barat yang masih lagi 'merajai' pemikiran rakyat Malaysia khususnya golongan belia alaf baru. Bagi mengatasi pengaruh Barat, kita haruslah berpegang teguh pada ajaran agama, mendalami lebih banyak dalam pneghayatan ajaran agama, sentiasa berwaspada dengan segala tindaka, memikirkan dan menilai baik buruk sesuatu tindakan sebelum bertindak.

Melalui webinar ini, saya menyedari bahawa pembentukan jati diri adalah sangat penting kepada semua rakyat Malaysia supaya budaya tempatan kita sendiri tidak terpinggir dan diwarisi sehingga generasi yang akan datang. Jati diri rakyat dapat dibentuk melalui dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Contohnya, usaha mengutamakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi merupakan dasar pendidikan untuk meningkatkan pembinaan jati diri pelajar. Kita sebagai rakyat sepatutnya menguasai bahasa kebangsaan dan bahasa kaum kita kerana bahasa jiwa bangsa. Selain itu, penghayatan serta pemahaman yang lebih mendalam mengenai Rukun Negara juga harus diterap dalam sukma setiap golongan masyarakat.

Disediakan oleh,

TIE SING HAO

.....
(TIE SING HAO)